

B/H 3/4/12 ms k.



Karbon monoksida
boleh membawa maut

Mungkin ramai yang pernah membaca dan mendengar berita mengenai seorang yang tidak berpenyakit mati tiba-tiba semasa berada di dalam kenderaan. Ada yang mengatakan kematian itu dipercayai akibat menghidu gas karbon monoksida yang terdapat di dalam kenderaan. Tidak kurang juga ada yang menganggap bahawa menghidupkan enjin dengan lama tanpa bergerak juga boleh menyebabkan kematian. Wujudnya pelbagai tanggapan ini boleh menyebabkan masyarakat kian keliru punca dan akibat sebenar seseorang itu boleh maut semasa berada di dalam kenderaan.

Ya, memang benar keracunan gas karbon monoksida boleh menjadi punca kematian seseorang. Tidak semestinya mangsa sedang memandu atau berada di dalam kenderaan yang tidak bergerak, di mana-mana kawasan perlepasan gas karbon monoksida juga boleh menyebabkan seseorang itu diancam maut.

Gas karbon monoksida sebenarnya adalah terhasil daripada pembakaran bahan api seperti petrol yang tidak sempurna yang kemudiannya dilepaskan melalui ekzos kenderaan. Gas ini boleh kita sedut tanpa disedari jika terdapat kebocoran aliran udara ke bahagian dalam kenderaan. Kebocoran ini mungkin disebabkan pintu yang tidak ditutup rapat terutama boot belakang, lubang pada brek tangan, lubang di bawah kenderaan dan pelbagai faktor lain lagi.

Keadaan ini boleh berlaku

sekiranya enjin dibiarkan hidup secara berterusan semasa berhenti menyebabkan gas karbon monoksida yang terhasil meresap masuk ke bahagian dalam kenderaan.

Keracunan gas tersebut juga boleh berlaku sekiranya kita menghidu gas monoksida yang bercampur dengan aliran udara luar yang masuk melalui sistem pengudaraan. Ia berlaku semasa sistem penghawa dingin dihidupkan. Jumlah kuantiti gas ini pula boleh meningkat di dalam kenderaan kerana ia dirangkumi ruang persekitaran yang tertutup.

Gas karbon monoksida adalah sejenis gas yang tidak berbau dan berwarna. Malah ia sangat berbahaya kerana boleh kekal (sebatil) dalam sistem saluran darah tubuh manusia. Semakin banyak gas ini disedut, semakin banyaklah kuantitinya dalam saluran darah manusia. Apabila gas ini menjadi semakin tumpat ia akan menyebabkan kekurangan oksigen dalam darah.

Maka inilah yang menjadi punca sebenar kematian seseorang itu iaitu kekurangan oksigen yang turut memberi kepada kesan anggota badan terutamanya sistem saraf dan otak. Gangguan pada sistem saraf dan otak juga boleh membawa kepada keadaan lumpuh atau koma seterusnya maut.

Bagaimanapun, fenomena ini telah membuka mata pihak pengeluar kenderaan mencari jalan penyelesaian terhadap permasalahan yang timbul. Sebagai mengikut peredaran zaman juga, pengeluar kenderaan kini telah memasang satu alat pengubah

pemangkin yang dikenali sebagai catalytic converter pada sistem ekzos. Alat ini berfungsi menapis asap ekzos yang mengandungi gas karbon monoksida yang beracun serta beberapa gas lain seperti hidrokarbon dan nitrogen supaya tidak terlepas ke atmosfera.

Tetapi, alat ini hanya didatangkan bersama kenderaan-kenderaan mewah kerana tidak dinafikan syarikat-

syarikat pengeluar kenderaan terbabit sememangnya mesra alam dan mengutamakan keselamatan.

Beberapa tip boleh juga boleh diikuti untuk mencegah keracunan gas karbon monoksida iaitu jangan tinggalkan seseorang di dalam kenderaan yang tertutup dengan enjin yang dihidupkan dan tidak menghidupkan kenderaan di dalam bangsal kereta yang tertutup. Hendaklah juga dielakkan untuk tidur

di dalam kenderaan dengan enjin yang dihidupkan dan mengubahsuai ekzos kenderaan.

Oleh yang demikian, selalulah membuat penyelenggaraan kenderaan kerana enjin kenderaan yang baru diselenggara biasanya mempunyai tahap kesempurnaan yang tinggi berbanding dengan enjin kenderaan yang jarang atau yang telah lama tidak diselenggara. - *Majalah Auto Touch*

